

Tawaran Shares4U 2026

PENAFIAN: DOKUMEN INI ADALAH UNTUK KEGUNAAN DI DALAM MALAYSIA SAHAJA DAN UNTUK PEKERJA ANAK SYARIKAT MALAYSIA YANG BERADA DI DALAM KUMPULAN VALEO ("PEKERJA YANG BERKELAYAKAN") DAN TIDAK BOLEH DIHASILKAN SEMULA, DIGUNAKAN ATAU DIPINDAHKAN KEPADA PEKERJA YANG TIDAK BERKELAYAKAN.

Kaedah langganan yang disyorkan adalah melalui talian di shares4u.valeo.com. Sekiranya anda ingin melanggan melalui borang ini, borang ini hendaklah dipulangkan kepada jabatan sumber manusia anda selewat-lewatnya 29 September 2026 (tarikh borang diterima oleh jabatan sumber manusia). Sekiranya penghantaran melalui pos, maka dinasihatkan mengembalikan borang tersebut beberapa hari lebih awal supaya borang boleh diterima sebelum 29 September 2026.

Gelaran:
Nama keluarga: Nama panggilan:
Tarikh lahir:
Alamat:
Poskod: Bandar/Perbandaran: Negara:
Nombor WORKDAY:
Emel (emel peribadi*):
Sekiranya perlu menghubungi saya (nombor telefon):

* Disyorkan supaya anda boleh dihubungi sekiranya anda telah meninggalkan Kumpulan VALEO. Sekiranya anda telah menyertai Shares4U pada tahun sebelumnya, dan telah memberikan emel korporat, kami mengesyorkan anda menukarkan emel ini kepada emel peribadi anda di <https://www.amundi-ee.com/account>.

Saya, yang bertandatangan, membuat keputusan untuk melanggan kepada peningkatan modal saham yang dikhaskan untuk para pekerja Kumpulan VALEO dalam tawaran Shares4U 2026, di mana saham-saham tersebut akan dilanggan melalui pengantara FCPE Shares4U Relais 2026, sehingga jumlah yang dinyatakan di bawah:

Saya membuat keputusan untuk melabur dalam penawaran RM
Saya akan membayar jumlah ini melalui pindahan bank.

Sila rujuk kepada risalah tambahan tempatan untuk butir-butir pindahan bank.*

Pembayaran anda mesti diterima di akaun yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam risalah tambahan tempatan selewat-lewatnya 30 Oktober 2026.*

*Amaun pelaburan anda adalah dalam Ringgit Malaysia dan mesti sekurang-kurangnya sepadan dengan €10 (kadar pertukaran mata wang asing pada 11 September 2026). Ia juga mesti mematuhi had siling yang berkenaan dengan pelaburan yang tertera di dalam VALEO PEGI (lihat di bawah).

- Saya mengisytiharkan bahawa jumlah pelaburan saya dalam VALEO PEGI (definisi di bawah) untuk tahun 2026 tidak melebihi 25% daripada gaji tahunan kasar saya yang saya menerima atau akan menerima dalam tahun kalendar semasa ini (iaitu, tahun 2026).
- Saya mengisytiharkan bahawa saya telah mengambil perhatian bahawa sekiranya permintaan langganan melebihi bilangan saham yang tersedia untuk penawaran, jumlah pesanan saya akan dikurangkan mengikut peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam risalah maklumat dan peraturan-peraturan FCPE Shares4U Relais 2026. Dalam kes sedemikian, saya akan dimaklumkan pada 19 Oktober 2026 tentang jumlah langganan saya selepas sebarang pengurangan tersebut. Saya akan membayar jumlah yang dikurangkan ini.
- Saya juga telah mengambil perhatian bahawa penyerahan borang langganan ini menjadi muktamad dan tidak boleh dibatalkan pada hari terakhir tempoh langganan, iaitu 29 September 2026 (tanpa mengambil kira tarikh sebenar borang langganan saya dan pembayaran untuk langganan saya, bagaimanapun dilaksanakan, dikemukakan/dibuat) dan bahawa pelaburan saya (saham-saham yang dilanggan/unit-unit FCPE) akan tertakluk kepada penguncian sehingga 30 Jun 2031 (termasuk hari ini), kecuali dalam situasi pelepasan awal seperti yang dinyatakan di dalam risalah tambahan tempatan.
- Saya mematuhi pengisytiharan-pengisytiharan dan akujanji-akujanji yang dinyatakan di bahagian belakang borang langganan ini dan

mengakui bahawa saya sedar akan harga langganan tawaran Shares4U 2026. Saya juga telah membaca risalah maklumat dan risalah tambahan tempatan yang telah diberikan kepada saya, dan juga dokumen-dokumen maklumat utama ("KID") FCPE Shares4U Relais 2026 dan FCPE Valeorizon, peraturan-peraturan FCPE Shares4U Relais 2026 dan FCPE Valeorizon dan peraturan-peraturan Pelan Simpanan Kumpulan Antarabangsa VALEO ("Pelan") (*Plan d'Épargne Groupe International VALEO – "PEGI"*), yang terdapat di laman web tawaran Shares4U 2026 (shares4u.valeo.com) yang boleh diakses dengan menggunakan kata laluan yang diterima semasa sesi-sesi maklumat atau melalui e-mel. Salinan-salinan dokumen-dokumen ini juga akan diberikan kepada saya atas permintaan. Saya mengakui bahawa saya telah dimaklumkan tentang syarat-syarat yang diperlukan untuk menyertai tawaran Shares4U 2026 dan mengisytiharkan bahawa langganan saya mematuhi syarat-syarat tersebut.

Saya telah mengambil perhatian berkenaan syarat-syarat untuk penggunaan, pemprosesan dan pemindahan data peribadi saya yang dinyatakan dalam bahagian perlindungan data dalam Syarat Umum ("Notis Privasi"), dan secara khasnya, mengikut undang-undang Malaysia, saya secara nyata memberi keizinan untuk pemprosesan data peribadi saya di dalam Malaysia dan pemindahan data tersebut ke Perancis kepada orang yang dinyatakan dalam Notis Privasi.

Ditandatangani di (bandar) pada (tarikh)
Tandatangan

SYARAT UMUM

PENGESAHAN ARAHAN

Saya telah mengambil perhatian bahawa:

- borang langganan ini mesti ditandatangani, ditarikh dan dikembalikan kepada jabatan sumber manusia tempatan saya semasa tempoh langganan dan tidak lewat daripada 29 September 2026. Borang langganan saya adalah tidak sah sekiranya syarat-syarat ini tidak dipenuhi.
- saya mengisytiharkan bahawa jumlah pelaburan saya dalam PEGI untuk tahun 2026 tidak melebihi 25% daripada gaji tahunan kasar saya yang saya terima atau akan terima dalam tahun kalendar semasa ini (iaitu, tahun 2026);
- saya hanya boleh melanggan dengan melengkapkan borang langganan ini atau dalam talian melalui laman web penawaran tersebut. Sekiranya saya melanggan dalam talian dan melengkapkan borang langganan, borang langganan kertas akan diketepikan.

Saya telah mengambil perhatian bahawa penyerahan borang langganan ini menjadi muktamad dan tidak boleh ditarik balik pada hari terakhir tempoh langganan dan pelaburan saya (saham-saham yang dilanggan / unit-unit FCPE) akan tertakluk kepada tempoh penguncian sehingga 30 Jun 2031 (termasuk hari ini), kecuali dalam situasi pelepasan awal.

Saya juga telah membaca risalah maklumat dan risalah tambahan tempatan yang telah diberikan kepada saya, dan juga dokumen-dokumen maklumat utama (KID) FCPE Shares4U Relais 2026 dan FCPE Valeorizon, peraturan-peraturan FCPE Shares4U Relais 2026 dan FCPE Valeorizon dan peraturan-peraturan Pelan Simpanan Kumpulan Antarabangsa VALEO (*Plan d'Épargne Groupe International VALEO – PEGI*), yang terdapat di laman web tawaran Shares4U 2026 (shares4u.valeo.com – kata laluan yang diterima semasa sesi-sesi maklumat atau melalui e-mel). Salinan-salinan dokumen-dokumen ini juga boleh diberikan kepada saya atas permintaan daripada jabatan sumber manusia tempatan saya. Saya mengakui bahawa saya telah dimaklumkan tentang syarat-syarat yang diperlukan untuk menyertai tawaran Shares4U 2026 dan mengisytiharkan bahawa langganan saya mematuhi syarat-syarat tersebut.

Saya mengisytiharkan bahawa saya adalah pekerja sebuah syarikat yang mengambil bahagian dalam PEGI sekurang-kurangnya satu hari semasa tempoh langganan dan akan telah bekerja sekurang-kurangnya 3 bulan dengan sebuah syarikat Kumpulan VALEO pada tarikh terakhir tempoh langganan (29 September 2026) berdasarkan semua perjanjian-perjanjian pekerjaan secara berturut-turut atau tidak berturut-turut dari 1 Januari 2025.

Saya juga telah mengambil perhatian bahawa sekiranya saya bukan ahli PEGI, saya akan secara automatik menjadi seorang ahli berikutan langganan saya dalam tawaran Shares4U 2026.

Peraturan khusus untuk Orang Amerika Syarikat

Langganan unit-unit FCPE tidak terbuka kepada "Orang-Orang Amerika Syarikat" dan saya dengan ini mengesahkan bahawa saya bukan pemastautin Amerika Syarikat. Saya mengambil perhatian bahawa maklumat tambahan mengenai sekatan ini terdapat di dalam peraturan-peraturan FCPE dan di laman web syarikat pengurusan di www.societegeneralegestion.com.

Peraturan khusus untuk Rusia dan Belarus

Saya mengisytiharkan:

- Saya bukan warganegara atau pemastautin Rusia, melainkan saya warganegara Negara Anggota Kesatuan Eropah, Wilayah Ekonomi Eropah atau Switzerland, atau mempunyai permit kediaman sementara atau tetap di dalam salah satu negara ini;
- Saya bukan warganegara atau pemastautin Belarus, melainkan saya warganegara Negara Anggota Kesatuan Eropah atau memegang permit kediaman sementara atau tetap di dalam salah satu Negara Anggota Kesatuan Eropah ini.

SAHAM-SAHAM PERCUMA

Saya telah mengambil perhatian bahawa pekerja-pekerja yang melabur dalam tawaran Shares4U, dan yang masih digaji pada tarikh pemberian, akan mendapat manfaat daripada pemberian saham-saham percuma VALEO ("Saham-Saham Percuma"). Saham-saham Percuma adalah tertakluk kepada syarat-syarat letak hak yang perlu dipenuhi dalam tempoh letak hak (iaitu sehingga 30 November 2029). Butir-butir ini terdapat di dalam risalah maklumat dan risalah tambahan tempatan. Tema-tema dan syarat-syarat lengkap yang berkenaan dengan pemberian tersebut adalah dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pelan Saham-Saham Percuma yang terdapat di laman web tawaran Shares4U 2026.

Saya mengakui bahawa pada masa letak hak, Saham-Saham Percuma tersebut akan dihantar dan dipegang dalam FCPE Valeorizon, yang akan mengeluarkan kepada saya jumlah unit-unit yang sepadan. Saya akan dapat menebus unit-unit ini pada bila-bila masa.

LEBIH LANGGANAN

- Saya telah mengambil perhatian bahawa sekiranya permintaan-permintaan untuk langganan yang dikemukakan dalam tawaran Shares4U 2026 melebihi had siling yang ditetapkan untuk penawaran ini, jumlah langganan saya mungkin dikurangkan mengikut peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam risalah maklumat dan peraturan-peraturan FCPE Shares4U Relais 2026.
- Dalam kes sedemikian, saya akan dimaklumkan pada 19 Oktober 2026 tentang jumlah langganan saya selepas sebarang pengurangan tersebut. Sekiranya permintaan langganan melebihi bilangan saham yang tersedia untuk penawaran, saya akan membayar jumlah yang dikira selepas aplikasi peraturan-peraturan pengurangan.

KEINGKARAN PEMBAYARAN

Sekiranya berlaku keingkaran pembayaran, saya akan bertanggungjawab kepada VALEO atau majikan saya untuk jumlah langganan saya. Walau bagaimanapun, saya mengakui dan bersetuju secara nyata bahawa VALEO boleh, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, meminta penebusan unit-unit FCPE saya dan menggunakan hasil-hasil penebusan tersebut untuk membayar jumlah yang dihutang atas langganan saya. Sekiranya hasil-hasil

tersebut tidak mencukupi, saya akan bertanggungjawab ke atas baki yang tertunggak. Sekiranya pembayaran saya tidak mencukupi dan tidak sepadan dengan jumlah permintaan langganan saya, VALEO juga boleh membuat keputusan untuk memproses langganan saya untuk jumlah yang dikurangkan yang sepadan dengan pembayaran saya. Sebagai alternatif, VALEO merizabkan hak untuk membatalkan permintaan langganan tersebut tanpa notis.

PERLINDUNGAN DATA (Versi Melayu)

Saya memahami bahawa data peribadi saya yang dinyatakan di dalam borang ini akan digunakan dalam konteks pemprosesan data komputer yang diperlukan berkenaan dengan penawaran tersebut. Saya telah membaca dan memahami notis privasi yang terdapat di dalam risalah tambahan tempatan. Sebagai tambahan kepada tema-tema notis privasi dalam risalah tambahan tempatan, pemprosesan ini juga tertakluk kepada Undang-Undang Perancis n°78-17 Januari 6, 1978 mengenai pemprosesan data, fail-fail data dan kebebasan-kebebasan individu dan Peraturan EU mengenai Perlindungan Data (2016/679), juga dikenali sebagai "GDPR".

Data peribadi yang terkandung di dalam borang ini diguna, diproses dan dipindah berdasarkan pelaksanaan kontrak untuk langganan saya kepada saham-saham VALEO SE melalui FCPE dan lebih umumnya untuk pentadbiran aset-aset saya dalam rangka tawaran Shares4U 2026 dan VALEO PEGI (art. 6.1(b) GDPR). Di samping itu, saya memahami bahawa alamat e-mel Valeo atau alamat e-mel peribadi saya mungkin diberikan kepada AMUNDI ESR untuk AMUNDI ESR menghubungi saya berhubung dengan tawaran Shares4U yang lalu, sekarang dan akan datang. Asas undang-undang untuk memproses data peribadi saya adalah diperlukan untuk: (i) memasuki dan melaksanakan kontrak langganan (iaitu permintaan langganan ini); (ii) mematuhi dengan kewajiban undang-undang, atau (iii) untuk kepentingan sah VALEO SE dengan syarat kepentingan tersebut tidak mengatasi hak dan kebebasan saya, yang termasuk kepentingan VALEO dalam menjalankan perniagaannya dengan cara yang bertanggungjawab dan berhemat secara komersial. Saya faham bahawa data peribadi ini adalah diperlukan dan diwajibkan untuk penyertaan saya dalam Shares4U. Tanpa kebenaran saya, langganan saya tidak boleh diambil kira.

Saya mengakui bahawa data peribadi saya akan disimpan untuk masa yang diperlukan untuk pentadbiran aset-aset saya (iaitu, sehingga saya menjual semua saham-saham / unit-unit yang dipegang di bawah Pelan) dan untuk tujuan pengarkibian (sehingga tamatnya tempoh had untuk sebarang litigasi yang berkaitan dengan aset-aset saya), serta untuk memenuhi keperluan undang-undang atau untuk menyelesaikan sebarang aduan atau pertikaian yang mungkin timbul.

Pengawal pemprosesan data adalah VALEO SE, yang mempunyai pejabat korporatnya di 100, Rue de Courcelles, 75017 Paris, Perancis, dan majikan saya. Data peribadi saya akan diproses oleh VALEO SE, oleh majikan saya dan oleh pembekal perkhidmatan VALEO iaitu Amundi ESR yang mempunyai pejabat berdaftar di 91-93, Boulevard Pasteur, 75015 Paris, France (alamat pos 26956 VALENCE CEDEX 9, PERANCIS). Maklumat yang dinyatakan di dalam borang ini akan digunakan untuk tujuan melaksanakan semua transaksi-transaksi yang berkaitan dengan langganan saya dalam unit-unit FCPE Shares4U Relais 2026, simpan kira-kira dan pentadbiran aset-aset saya dalam rangka VALEO PEGI, serta pemberian dan penghantaran saham percuma saya. Data peribadi saya juga mungkin didedahkan kepada pihak berkuasa undang-undang dan kawal selia untuk tujuan pematuhan terhadap kewajiban undang-undang yang berkenaan. Saya secara khusus mengambil perhatian dan menerima bahawa data peribadi saya akan dipindahkan dalam konteks ini kepada pembekal perkhidmatan sedemikian di Perancis, dan dengan ini saya membenarkan pemindahan tersebut.

Saya telah mengambil perhatian bahawa data-data ini, dan oleh itu persetujuan saya, adalah diperlukan dan mandatori untuk penyertaan saya dalam Shares4U. Tanpa persetujuan saya, langganan saya tidak boleh diambil kira.

Saya akan mempunyai hak untuk meminta akses kepada, pengubahsuaian, pembetulan, atau penghapusan data peribadi saya, dan juga hak untuk meminta sekatan pemprosesan atau untuk membantah kepada pemprosesan data peribadi saya. Saya mempunyai hak kemudahan data serta hak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan, iaitu Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia atau CNIL Perancis.

Saya mungkin mempunyai hak untuk menakrifkan arahan berhubung dengan simpanan, pemadaman dan komunikasi data peribadi saya selepas kematian saya. Hak ini hanya terpakai dalam keadaan tertentu dan tertakluk kepada sekatan tertentu.

Selain daripada itu, mengikuti Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (PDPA), saya bersetuju kepada pemprosesan data peribadi saya di Malaysia dan penghantaran data tersebut ke Perancis kepada pihak yang tersebut di atas.

Saya juga mengambil perhatian bahawa saya mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan saya untuk pemprosesan data di bawah PDPA dengan memberi notis bertulis. Walau bagaimanapun, saya menyedari bahawa data peribadi saya adalah diperlukan untuk memproses langganan saya, untuk mengekalkan pelaburan saya dalam PEGI dan untuk melaksanakan apa-apa transaksi-transaksi yang berkenaan. Saya juga menyedari bahawa penarikan balik persetujuan saya untuk pemprosesan data boleh menjejaskan keupayaan saya untuk menikmati dan/atau mengambil bahagian dalam manfaat penuh Pelan ini. Saya menyedari bahawa sekiranya persetujuan saya ditarik balik tanpa kejadian peristiwa pelepasan awal dan sebelum aset-aset saya menjadi tersedia, saya akan menafikan diri saya daripada kemungkinan mentadbir aset-aset tersebut. Oleh itu, sebelum mengambil keputusan untuk menarik balik persetujuan saya, saya juga bertanggungjawab untuk menghubungi jabatan sumber manusia tempatan (butiran hubungan yang berkenaan dinyatakan dalam risalah tambahan tempatan) berkenaan keputusan saya.

Untuk menggunakan hak saya yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi saya, saya hendaklah menulis kepada:

Amundi ESR - Service Contrôle Interne et Conformité
26956 Valence Cedex 9

Atau melalui e-mel kepada: www.amundi-ee.com

Saya telah mengambil perhatian bahawa Pegawai Data Privasi Kumpulan VALEO ialah: Catherine Delhaye - dpo.internal@valeo.com

PERLINDUNGAN DATA (Versi Bahasa Inggeris)

I understand that my personal data provided in this form shall be used in the context of the computer data processing required with respect to the offering. I have read and understood the privacy notice set out in the local supplement. In addition to the terms of the privacy notice in the

local supplement, this processing is also subject to the French Law n°78-17 of January 6, 1978 on data processing, data files and individual liberties and the EU Regulation on Data Protection (2016/679) also known as "GDPR".

The personal data contained in this form is used, processed and transferred based on execution of a contract for my subscription to VALEO SE shares via the FCPE and more generally for administration of my assets within the framework of the Shares4U 2026 offer and VALEO PEGI (art. 6.1(b) of the GDPR). In addition, I understand that my Valeo email address or personal email address may be provided to AMUNDI ESR for AMUNDI ESR to contact me in relation to past, present and future Shares4U offers. The legal bases for processing my personal data are that it is necessary for: (i) entering into and the performance of the subscription contract (i.e., the present subscription request); (ii) compliance with a legal obligation, or (iii) the purposes of VALEO SE's legitimate interests provided that such interests do not override my rights and freedoms, which include their interests in conducting its business in a responsible and commercially prudent manner. I understand that this personal data is necessary and mandatory for my participation in Shares4U. In the absence thereof, my subscription cannot be taken into account.

I acknowledge that my personal data will be retained for the time necessary for the management of my assets (i.e., until I sell all my shares / units held under the Plan) and for archiving purposes (until expiration of the term of limitation for any litigation relating to my assets), as well as in order to meet legal requirements or to resolve any complaint or dispute that might arise.

The data processing controllers are VALEO SE, having its corporate office at 100, Rue de Courcelles, 75017 Paris, France, and my employer. My personal data will be processed by VALEO SE, by my employer and by VALEO's service provider AMUNDI ESR, having its registered office at 91-93, Boulevard Pasteur, 75015 Paris, France (postal address 26956 VALENCE CEDEX 9, FRANCE). Information provided in this form will be used for the purpose of executing all transactions in connection with my subscription of the FCPE Shares4U Relais 2026 units, bookkeeping and administration of my assets within the framework of the VALEO PEGI, as well as the grant and delivery of my Free Shares. My personal data may also be disclosed to legal and regulatory authorities for the purposes of compliance with applicable legal obligations. I specifically note and accept that my personal data will be transferred in this context to such service provider in France, and hereby authorise such transfer.

I have noted that these data, and therefore my consent, are necessary and mandatory for my participation in Shares4U. In the absence thereof, my subscription cannot be taken into account. I shall have the right to request access to, modification, rectification, or erasure of my personal data, as well as the right to request restriction of processing, or to object to the processing, of my personal data. I have the right to data portability as well as the right to lodge a complaint with a supervisory authority, such as the Department of Personal Data Protection Malaysia, or the French CNIL.

I may have the right to define directives in relation to the bookkeeping, deletion and communication of my personal data after my death. These rights only apply in certain circumstances and are subject to certain restrictions.

Furthermore, in accordance with the Malaysian Personal Data Protection Act 2010 (PDPA), I expressly consent to the processing of my personal data in Malaysia and the transfer thereof to France to the persons indicated above.

In addition, I note that I have the right, under the PDPA, to withdraw my consent to data processing by providing a notice in writing. However, I recognise that my personal data is necessary in order to process my subscription, to maintain my investment in the PEGI and to execute any transactions resulting therefrom. I also recognise that the withdrawal of my consent to data processing may adversely affect my ability to enjoy and/or participate in the full benefits of the Plan. I recognise that if my consent is withdrawn without the occurrence of an early exit event and before my assets become available, I will deprive myself of the possibility to administer the said assets. Accordingly, before deciding to exercise my right to withdraw my consent, I commit to contacting my Human Resources Department (the relevant contact details are indicated in the local supplement) to inform them of my decision.

In order to exercise my rights in connection with the processing of my personal data, I shall write to:

Amundi ESR - Service Contrôle Interne et Conformité
26956 Valence Cedex 9

or through the secure mailbox of your personal space at www.amundi-ee.com

I have noted that the VALEO Group Data Privacy Officer is: Catherine Delhayé - dpo.internal@valeo.com

PENGIKTIRAFAN SYARAT-SYARAT

Saya memahami bahawa melalui tawaran Shares4U 2026 ini, saya melabur, melalui FCPE, dalam saham-saham VALEO yang disenaraikan di Euronext Paris. Nilai pelaburan saya akan dikaitkan dan turun naik dengan harga pasaran saham-saham VALEO.

Walaupun saya membayar jumlah pelaburan dalam mata wang tempatan saya, langganan saham VALEO adalah dalam Euro. Semasa hayat pelaburan, nilai aset-aset saya akan dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar pertukaran antara Euro dan mata wang tempatan saya.

Keputusan saya untuk mengambil bahagian dalam tawaran Shares4U 2026 adalah secara sukarela. Keputusan saya tidak akan memberi kesan kepada pekerjaan saya dengan Kumpulan VALEO. Penyertaan dalam penawaran ini adalah berasingan daripada dan tidak menjadi sebahagian perjanjian pekerjaan saya. Ia tidak memberi apa-apa hak kepada kelayakan-kelayakan yang berhubung dengan pekerjaan saya, termasuk pada penamatan pekerjaan saya. Borang ini atau dokumen-dokumen lain yang diberikan kepada saya dalam konteks tawaran Shares4U 2026 tidak memberi sebarang hak atau tuntutan yang berhubung dengan tawaran masa depan.

Saya telah mengambil perhatian tentang akibat-akibat cukai berikutan penyertaan saya dalam tawaran Shares4U 2026 dan menerima tanggungjawab sepenuhnya untuk akibat-akibat ini. Secara khususnya, saya mengakui bahawa saya bertanggungjawab kepada majikan saya untuk semua jumlah yang mungkin dibayar olehnya bagi pihak saya. Majikan saya boleh, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, menolakan jumlah yang berkenaan daripada gaji saya atau sebarang jumlah yang saya berhutang dan / atau memerintahkan penjualan semua atau sebahagian daripada Saham-Saham Percuma saya atau unit-unit FCPE saya dan memegang jumlah-jumlah yang saya hutang kepadanya, daripada hasil-hasil jualan tersebut.

AMARAN

Pemegang-pemegang unit dengan ini dimaklumkan bahawa FCPE Shares4U Relais 2026 bertujuan untuk dilaburkan dalam saham-saham yang dikeluarkan oleh VALEO dalam peningkatan modal, yang dijangka berlaku pada 18 November 2026.

Berikutan langganan kepada peningkatan modal saham tersebut, FCPE Shares4U Relais 2026 akan digabungkan dengan FCPE Valeorizon, suatu dana yang hampir semata-mata dilaburkan dalam saham-saham VALEO, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Penyeliaan (*Conseil de surveillance*) FCPE Shares4U Relais 2026 dan kelulusan pihak berkuasa pasaran kewangan Perancis (*Autorité des marchés financiers* – AMF). Penggunaan FCPE sementara ini membolehkan para pelanggan dalam peningkatan modal saham tersebut untuk mendapat manfaat daripada diskaun sebelum penggabungan dengan FCPE Valeorizon.

Memandangkan penumpuan risiko-risiko portfolio FCPE Valeorizon dalam sekuriti-sekuriti pengeluar yang sama, AMF mengesyorkan bahawa setiap pelanggan menilai keperluan untuk mempelbagaikan risiko-risiko pelaburan-pelaburan kewangan mereka secara keseluruhannya. Para pelanggan harus mengambil perhatian bahawa nilai aset bersih FCPE akan berkait rapat dengan prestasi dan hasil-hasil kewangan masa depan VALEO.

Dokumen Pendaftaran Sejangat (*Document d'Enregistrement Universel*) dan laporan-laporan kewangan VALEO, yang mengandungi maklumat penting tentang aktiviti-aktiviti, strategi dan keputusan kewangan VALEO, dan juga risiko-risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam saham-saham VALEO, terdapat di www.valeo.com.



Sekiranya anda telah menyertai dalam Shares4U pada tahun sebelumnya dan telah memberikan alamat korporat, kami mengesyorkan bahawa anda menukarkan alamat kepada alamat peribadi di <https://www.amundi-ee.com/account>, supaya anda boleh dihubungi sekiranya anda telah meninggalkan Kumpulan VALEO.